

21/07/1999

Langkah selesai isu dua hala

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Singapura mungkin menyerahkan penyelesaian pakej khas mengandungi pelbagai isu yang menegangkan hubungan dua hala kedua-dua negara kepada pemimpin tertinggi, jika mesyuarat peringkat pegawai terus gagal mencapai kata sepakat.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata setakat ini tiga mesyuarat peringkat pegawai sudah diadakan, tetapi masih gagal mencapai sebarang persetujuan.

Justeru, katanya, kedua-dua negara tidak mengehadkan tempoh dan jumlah mesyuarat yang boleh diadakan, tetapi jika terus menemui jalan buntu, penyelesaian terakhir ialah menyerahkan kepada peringkat pemimpin negara.

"Setakat ini mereka sudah mengadakan tiga mesyuarat, tetapi belum ada kata sepakat atau mencapai apa-apa persetujuan.

"Kita akan terus berbincang kerana sesuatu yang membabitkan usaha mencari rumusan tidak semestinya dapat diselesaikan dengan cepat kerana kedua-dua negara akan memikirkan kepentingan masing-masing.

"Kita juga tidak boleh menetapkan tarikh tertentu untuk penyelesaian kerana sekiranya ada tarikh berkenaan ia akan menjadi satu kemestian perlu diselesaikan.

"Dalam perbincangan untuk mencari rumusan, kita tidak harus adakan apa-apa pra syarat," katanya di lobi Parlimen hari ini.

Mesyuarat terbabit yang dianggotai pegawai pelbagai kementerian kedua-dua negara diarah mencari penyelesaian kepada pelbagai isu yang pernah menegangkan hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Antara isu terbabit ialah perjanjian bekalan air Malaysia kepada Singapura, tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) di republik itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (CPF), Pusat Pemeriksaan Imigresen dan Kastam (CIQ) dan penggunaan ruang udara.

Ketika menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Hanoi, Disember lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari republik itu, Goh Chok Tong, bersetuju untuk menyelesaikan semua isu berkenaan dalam satu pakej khas.

(END)